

Headline	Melaka perintis sistem rangkaian jalur lebar TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	27
ArticleSize	465 cm <sup>2</sup>	Journalist	Fairuz Zaidan
PR Value	RM 48,087		



# Melaka perintis sistem rangkaian jalur lebar TNB

→ 1,100 kediaman di daerah Jasin terima manfaat teknologi fiber optik

Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@nstp.com.my

**M**elaka dipilih Tenaga Nasional Bhd (TNB) sebagai negeri perintis sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi fiber optik di bawah projek Pelan Perhubungan Anta-

rabangsa (NCP).

Sebagai permulaan, sebanyak 1,100 kediaman di tiga kawasan di daerah ini dipilih bagi projek perintis terbabit iaitu di Taman Merbau, Taman Maju dan Felda Kemendor di Jasin.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata pemasangan infrastruktur itu akan dilakukan secara berperingkat selepas perbincangan bersama kerajaan negeri dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

## 1,100 kediaman di Jasin terima manfaat

Beliau berkata, syarikat itu dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim turut diminta untuk bersama-sama mengambil peranan mempercepat inisiatif kerajaan berkenaan.

“Kita (TNB) akan memasang kemudahan teknologi fiber optik di 1,100 kediaman di Jasin, sekali gus membolehkan penduduk mendapat akses kepada rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi atau *High Speed Broadband* (HSBB),” katanya ketika merasmikan Projek Rintis TNB Bagi Menjayakan NCP di Jasin, semalam.

Yang hadir sama ialah EXCO Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan Melaka, Kerk Chee Yee dan Pegawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya.

Moggie berkata, projek rintis berkenaan juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek teknikal dan keselamatan seterusnya menentukan daya komersial kemudahan infrastruktur terbabit.

“Ia juga membantu hasrat kerajaan menjayakan program NCP, iaitu akses internet yang

lebih pantas, lebih murah serta lebih meluas.

## Capaian jalur lebar lebih meluas

“Melaluinya (projek), TNB akan meneroka potensi menggunakan aset telekomunikasi untuk program ini dan kita akan menilai keberhasilannya untuk menentukan kemungkinan pelaksanaan komersial yang lebih meluas ke seluruh negara awal tahun depan,” katanya.

Sementara itu, Chee Yee berkata, kerajaan negeri menyambut baik usaha TNB itu, sekali gus selari dengan visi kerajaan untuk membangunkan bandar bermaklumat tinggi dengan kemudahan capaian jalur lebar internet yang lebih meluas.

“Melaka akan terus membekalkan kerjasama kepada TNB untuk memastikan projek rintis ini mencapai sasarannya di bawah program NCP,” katanya.



Melaluinya (projek), TNB akan meneroka potensi menggunakan aset telekomunikasi untuk program ini dan kita akan menilai keberhasilannya untuk menentukan kemungkinan pelaksanaan komersial yang lebih meluas ke seluruh negara awal tahun depan”

**Leo Moggie,**  
Pengerusi TNB